



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat negeri Johor atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan bagi jawatan seperti berikut:

| 1. SKIM PERKHIDMATAN | : | PEGAWAI VETERINAR | | | | | | | | |
|-----------------------------|--------------|---|-----------------------------|--------------|---------------|-----------------------------|--|------------|-------------|----------|
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | PERTANIAN | | | | | | | | |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | | | | | | | | |
| Gred | : | GV9 | | | | | | | | |
| Taraf Jawatan | : | KONTRAK | | | | | | | | |
| Jadual Gaji | : | <table border="1"><thead><tr><th></th><th>GAJI MINIMUM</th><th>GAJI MAKSIMUM</th><th>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</th></tr></thead><tbody><tr><td></td><td>RM2,250.00</td><td>RM11,110.00</td><td>RM225.00</td></tr></tbody></table> | | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN | | RM2,250.00 | RM11,110.00 | RM225.00 |
| | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN | | | | | | | |
| | RM2,250.00 | RM11,110.00 | RM225.00 | | | | | | | |
| Kekosongan | : | 1 KEKOSONGAN (ZOO JOHOR) | | | | | | | | |

SYARAT LANTIKAN:

- (i) Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- Warganegara Malaysia
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Ijazah Sarjana Muda Veterinar atau Ijazah Sarjana Muda Sains Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- d) Berdaftar di bawah subseksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1, Jadual Kedua.

(Gaji permulaan ialah pada Gred GV9: **RM2,910.00**)

- (ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (iii) Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- (iv) Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- (v) Penaklukan di bawah : Pegawai-pegawai yang memasuki skim Syarat - Syarat Skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (vi) Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab mengawal penyakit-penyakit haiwan dan rawatannya, memastikan makanan ternakan selamat untuk pengguna, merancang dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pemberian mutu ternakan, menguat kuasa undang-undang import bahan-bahan ternakan, mengawasi pusat-pusat karantina dan membuat laporan mengenai pembangunan dan kemajuan tahunan Jabatan dan lain-lain tugas pentadbiran Jabatan.

2. CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (i) Permohonan hendaklah dikemukakan secara **atas talian** melalui **Sistem Permohonan Perjawatan Kerajaan Negeri Johor** di pautan <https://jawatan.johor.gov.my>. Pemohon dikehendaki mengisi semua maklumat yang diperlukan secara lengkap dan tepat dalam sistem tersebut.

SEBELUM ATAU PADA : 01 OGOS 2025

- (ii) Semua permohonan mestilah disertakan dengan dokumen sokongan yang dimuat naik ke dalam sistem, termasuk:
- Gambar berukuran passport terkini.
 - Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran.
 - Salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan.
 - Salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Ijazah/Diploma yang telah disahkan.
- (iii) Sila pastikan jawatan yang dipohon dinyatakan dengan jelas semasa mengisi borang permohonan dalam sistem.
- (iv) Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan melalui emel rasmi di sukkt@johor.gov.my.
- (v) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tertanggung atas calon-calon sendiri. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 2 minggu dari tarikh temuduga dianggap **TIDAK BERJAYA**.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

Bertarikh : 14 Julai 2025